



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN

AKTIVITI PENYEMBELIHAN UNGGAS



KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN AKTIVITI PENYEMBELIHAN UNGGAS

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1,
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62630, Putrajaya, Malaysia

Tel : 603-8870 2000
Faks : 603 8888 8685
E-mel : pro@dvs.gov.my

Edisi Pertama : 2019
Edisi Kedua : 2020

Penerbitan @ JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara lain, sama ada cara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62630, Putrajaya, Malaysia.

ISI KANDUNGAN

1.0	PENGENALAN	1
2.0	OBJEKTIF	1
3.0	SKOP	1
4.0	DEFINISI	1
5.0	SINGKATAN	2
6.0	TANGGUNGJAWAB PEMUNYA PREMIS PENYEMBELIHAN, PENYELIA, OPERATOR DAN PEKERJA PREMIS PENYEMBELIHAN UNGGAS	3
6.1.	Tanggungjawab pemunya premis penyembelihan	
6.2.	Tanggungjawab penyelia premis penyembelihan	
6.3.	Tanggungjawab operator dan pekerja premis penyembelihan	
6.4.	Larangan perlakuan terhadap unggas semasa prosedur penyembelihan	
7.0	PENERIMAAN UNGGAS HIDUP DAN KAWASAN REHAT	4
8.0	PENGEGANGAN	5
9.0	PEMENGSANAN	6
10.0	PENYEMBELIHAN DAN PENDARAHAAN	7
11.0	PENGURUSAN UNGGAS UNTUK TUJUAN PEMERIKSAAN LANJUT	7
12.0	PENGANGKUTAN	8
13.0	PELUPUSAN	8
14.0	RUJUKAN	9
15.0	LAMPIRAN	10

KATA PENGANTAR

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR

Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) telah diwartakan pada 29 Disember 2015 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 2017. Berdasarkan peruntukan Seksyen 15 Akta 772, terdapat tiga belas (13) aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan perlu dilesenkan oleh Lembaga Kebajikan Haiwan.

Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) yang mengandungi piawaian serta garis panduan berkaitan kebajikan haiwan. KAKH ini berperanan menjadi rujukan kepada pemilik lesen dan juga mana-mana pihak yang berkenaan dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan haiwan yang terlibat dalam aktiviti di atas sentiasa terpelihara.

Selaras dengan agenda sosial masyarakat pada hari ini yang amat menitikberatkan isu berkaitan kebajikan haiwan, adalah diharapkan Kod Amalan Kebajikan Haiwan ini dapat dilaksanakan semasa mengendalikan haiwan dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan seperti yang tersenarai dalam Jadual Akta 772.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa kerja, agensi kerajaan, pihak NGO dan semua individu yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan dokumen kod amalan ini.

DATO' DR. QUAZA NIZAMUDDIN BIN HASSAN NIZAM
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Malaysia

KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN AKTIVITI PENYEMBELIHAN UNGGAS

1.0 PENDAHULUAN

Kod Amalan Kebajikan Haiwan(KAKH) ini menggariskan panduan kepada mana-mana pihak yang terlibat dalam menjalankan aktiviti penyembelihan unggas. Aspek kebajikan haiwan masih perlu diambil kira semasa pengendalian unggas sebelum penyembelihan. KAKH ini hendaklah dipatuhi oleh pemunya premis penyembelihan, penyelia, operator dan pekerja di premis penyembelihan unggas agar penyembelihan unggas hendaklah mendapatkan lesen dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan untuk beroperasi sebagai premis penyembelihan unggas.

2.0 OBJEKTIF

Objektif utama KAKH ini ialah:

- 2.1 Memastikan teknik penyembelihan dan fasiliti penyembelihan di premis penyembelihan unggas mengutamakan kebajikan haiwan.
- 2.2 Memastikan premis penyembelihan unggas mempunyai tenaga kerja yang kompeten dan terlatih terhadap kebajikan haiwan.

3.0 SKOP

KAKH ini menjelaskan amalan baik dan piawaian yang mesti dipatuhi dari segi aspek fasiliti, proses penyembelihan, pengendalian unggas dan pengurusan unggas yang tidak sesuai disembelih.

4.0 DEFINISI

- 4.1 Aktiviti penyembelihan unggas
Proses melibatkan aktiviti penyembelihan unggas yang bermula daripada kawasan penerimaan premis penyembelihan sehingga penyembelihan selesai.

- 4.2 **Unggas**
Termasuk ayam, itik, ayam belanda, puyuh, dan mana-mana burung lain yang ditentukan oleh pihak berkuasa. Merujuk kepada Enakmen Perladangan Unggas Negeri-negeri).
- 4.3 **Unggas yang tidak sesuai disembelih:**
Unggas yang tidak menepati kriteria-kriteria penyembelihan seperti berpenyakit dan terbantut.
- 4.4 **Premis penyembelihan**
Termasuklah loji penyembelihan atau tempat penyembelihan yang dilesenkan di bawah perundangan Malaysia.
- 4.5 **Operator**
Sesiapa yang ditugaskan untuk mengendalikan sesuatu mesin, peralatan dan menjalankan sesuatu prosedur.
- 4.6 **Pekerja**
Sesiapa yang melaksanakan atau menjalankan sesuatu kerja yang diarahkan.
- 4.7 **Penyelia**
Sesiapa yang mengurus dan mengawasi pekerja-pekerja dan aktiviti penyembelihan.
- 4.8 **Pemunya premis penyembelihan**
Termasuk mana-mana orang yang memiliki premis penyembelihan dan mana-mana orang yang menjaga atau menjalankan kawalan terhadap premis penyembelihan atau aktiviti yang berkaitan dengan penyembelihan unggas.
- 4.9 **Penyembelihan tertunda**
Satu penyembelihan dimana ianya adalah ditangguhkan sementara disebabkan oleh keadaan tertentu yang memerlukan penyembelihan unggas ditangguhkan.

5.0 SINGKATAN

- 5.1 KAKH - Kod Amalan Kebajikan Haiwan
- 5.2 SOP - Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedures*)

6.0 TANGGUNGJAWAB PEMUNYA PREMIS PENYEMBELIHAN, PENYELIA, OPERATOR DAN PEKERJA PREMIS PENYEMBELIHAN UNGGAS

- 6.1 Tanggungjawab pemunya premis penyembelihan adalah seperti berikut:
- a. Hendaklah menyediakan latihan dan pembelajaran berkenaan tugas dan kebijikan haiwan yang mencukupi dalam amalan pengendalian unggas untuk penyembelihan kepada setiap operator dan pekerja.
 - b. Menyediakan fasiliti dalam menjalankan operasi penyembelihan unggas yang menepati kebijikan haiwan.
 - c. Bertanggungjawab memastikan arahan dari semasa ke semasa daripada kerajaan berkaitan kebijikan haiwan adalah dilaksanakan dan dipatuhi.
 - d. Hendaklah memastikan premis kurungan unggas mempunyai persiapan minima yang mencukupi bagi menghadapi sebarang insiden kebakaran seperti di **Lampiran 1**.
 - e. Hendaklah mempunyai peti kecemasan untuk unggas seperti di **Lampiran 2**.
- 6.2 Tanggungjawab penyelia premis penyembelihan adalah seperti berikut:
- a. Memantau secara berterusan di semua peringkat dan aktiviti di premis penyembelihan.
 - b. Memastikan semua operator dan pekerja menjalankan tugas dengan mengamalkan dan mementingkan kebijikan haiwan.
 - c. Menyediakan SOP aktiviti di premis yang mempunyai garis panduan kebijikan haiwan.
 - d. Memastikan operator dan pekerja mematuhi SOP dan pematuhan kebijikan haiwan.
 - e. Menyelia rekod bagi semua aktiviti di premis penyembelihan (rekod pekerja, rekod daftar masuk unggas, rekod penyembelihan, rekod ante-mortem, rekod post mortem, rekod kebersihan dan rekod penyelenggaraan).

- 6.3 Tanggungjawab operator dan pekerja premis penyembelihan adalah seperti berikut:
- a. Operator hendaklah memastikan peralatan di premis sentiasa dalam keadaan baik dan berfungsi.
 - c. Telah mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan tugas dan kebajikan haiwan sebelum boleh menjalankan tugas.
 - d. Operator hendaklah mempunyai kompetensi serta berkemahiran dalam mengendalikan peralatan dan menjalankan operasi bagi mengelakkan sebarang kesilapan yang boleh menyebabkan penganiayaan dan kezaliman.
 - e. Memastikan kebersihan, ventilasi, suhu persekitaran dan pencahayaan disetiap bahagian operasi dalam keadaan yang baik.
- 6.4 Larangan perlakuan terhadap unggas semasa prosedur penyembelihan:
- a. Menyebabkan kejutan, tekanan, kesakitan, kekasaran dan penderitaan.
 - b. Uggas tidak boleh diangkat atau dikendalikan dengan memegang satu kaki sahaja, dihayun dan dicampak.
 - c. Uggas hanya digantung apabila proses penyembelihan hendak dimulakan. (Uggas tidak boleh diterbalikkan dalam tempoh yang lama).
 - d. Tidak dibenarkan sebarang bentuk penganiayaan.

7.0 PENERIMAAN UNGGAS HIDUP DAN KAWASAN REHAT

- 7.1 Penurunan unggas (poultry crates) daripada kenderaan pengangkut di kawasan penerimaan hendaklah dikendalikan dengan cermat setelah tiba di premis penyembelihan dengan kadar segera.

- 7.2 Sekiranya berlaku perkara-perkara yang menyebabkan keadaan kelewatan yang tidak dapat dielakkan, unggas hendaklah berada di atas kenderaan pengangkut yang mempunyai pelindung panas atau kenderaan diletakkan di tempat yang redup, mempunyai aliran pengudaraan yang baik dan diberikan air minuman.
- 7.3 Elakkan tindakan yang boleh menyebabkan kecederaan dan sebarang tekanan seperti menjatuhkan, membaling dan pengendalian yang kasar.
- 7.4 Mana-mana bekas yang menyimpan unggas mestilah dipunggah secara mendatar dan disimpan dalam kedudukan menegak. Elakkan dikendalikan secara terbalik.
- 7.5 Unggas yang menunjukkan tanda-tanda tegasan haba dan tegasan sejuk hendaklah diasingkan buat sementara untuk tujuan pemeriksaan lanjut. Manakala unggas yang mempunyai kecederaan hendaklah diasingsingkir.
- 7.6 Unggas hendaklah direhatkan 30 minit ke satu jam di kawasan rehat sebelum disembelih. Kawasan rehat hendaklah bersebelahan dan diasingkan daripada tempat penyembelihan.
- 7.7 Kawasan rehat mestilah mempunyai ciri-ciri seperti berikut :
 - a. Mempunyai ventilasi yang baik.
 - b. Mempunyai pencahayaan yang malap agar memberi ketenangan kepada unggas.
 - c. Mempunyai suhu persekitaran yang sesuai bagi memberikan keselesaan kepada unggas.
 - d. Kawasan yang tertutup dan tidak terdedah kepada sinaran matahari secara langsung/terus.
 - e. Mempunyai keluasan yang mencukupi untuk menempatkan unggas untuk sembelihan.
 - f. Pembersihan dan disuci hama setiap hari.

8.0 PENGEKANGAN

- 8.1 Kaedah pengekangan unggas yang boleh diterimapakai adalah secara manual atau mekanikal seperti penggantung / 'shackle'.

- 8.2 Unggas kecil yang boleh dikekang secara manual hendaklah dikendalikan oleh seorang operator dengan mengawal kepak dan kedua kaki sebelum disembelih. Operator hendaklah mengendalikan unggas dengan cermat dan tidak menyebabkan kesakitan dan penganiayaan.
- 8.3 Rekabentuk dan saiz alat pengekangan hendaklah bersesuaian dengan saiz unggas untuk mengelakkan kecederaan dan kesakitan.
- 8.4 Unggas mestilah dikekang dengan kedua-dua kakinya.
- 8.5 Laluan rantai pengekang (*shackle line*) tidak terlalu panjang, tidak mempunyai pesongan yang tajam dan tidak berkecerunan tinggi.

9.0 PEMENGSANAN (“STUNNING”)

- 9.1 Kaedah yang disyorkan untuk pemengsanan unggas yang menepati kebaikan haiwan adalah dengan “*Electrical Water Bath*” atau apa-apa kaedah pemengsanan yang diterimapakai/dibenarkan berdasarkan kebaikan haiwan.
- 9.2 Perkara-perkara yang perlu dipatuhi semasa proses pemengsanan unggas:
 - a. Pemengsanan dilakukan oleh operator yang kompeten dan terlatih.
 - b. Hendaklah dipastikan alat pemengsan berfungsi dengan baik sepanjang proses tersebut.
 - c. Unggas telah dikekang dengan sempurna.
 - d. Unggas mesti tenggelam tidak melebihi paras lehernya.
 - e. Unggas hendaklah dipengsankan dengan segera.
 - f. Unggas hendaklah disembelih segera setelah pengsan.
- 9.3 Tanda-tanda unggas telah dipengsankan dengan betul:
 - a. Badan dan otot kejang.

- b. Ritma pernafasan normal berkurangan.
 - c. Kelopak mata yang terbuka dengan bola mata tidak bergerak.
- 9.4 Garis panduan kadar arus elektrik dan masa adalah seperti di Malaysian Standard MS 1500:2004 **Jadual A1**.

10.0 PENYEMBELIHAN DAN PENDARAHAN

- 10.1 Penyembelihan hendaklah menggunakan pisau yang tajam dan bersih.
- 10.2 Pemeriksaan kesempurnaan penyembelihan hendaklah dilakukan ke atas setiap ekor unggas dengan memastikan :
 - a. Ayam yang disembelih telah mati disebabkan sembelihan;
 - b. Urat merih (esophagus/saluran makanan) dan urat halkum (trachea/salur pernafasan) putus dengan sempurna kerana sembelihan.
- 10.3 Memastikan tempoh pendarahan yang mencukupi sebelum penceluran bermula.
- 10.4 Penggunaan kon pendarahan (bleeding cone) adalah digalakkan bagi premis penyembelihan yang tidak menggunakan kaedah pemengsanan/stunning.
- 10.5 Penyembelihan kecemasan hendaklah dilakukan bagi mana-mana unggas yang mengalami kecederaan trauma dan di dalam keadaan kesakitan yang mana keadaannya masih selamat untuk dimakan.
- 10.6 Unggas hendaklah disembelih secepat mungkin dalam tempoh 24 jam.

11.0 PENGURUSAN UNGGAS UNTUK TUJUAN PEMERIKSAAN LANJUT

- 11.1 Pengasingan bagi tujuan pemeriksaan lanjut Dalam keadaan tertentu, unggas tidak sesuai untuk kegunaan manusia termasuklah:

- a. Mengalami kecederaan trauma.
 - b. Disyaki dirawat dengan ubatan dan antibiotik sebelum tiba tempoh penarikbalikan (withdrawal).
 - c. Mempunyai tanda-tanda penyakit yang boleh memberi kesan kepada kesihatan manusia dan unggas lain.
- 11.2 Penempatan unggas yang diasingkan untuk tujuan pemeriksaan semula hendaklah:
- a. Diletakkan di dalam sesuatu kurungan yang sesuai dan diasingkan di satu kawasan khas agar tidak bercampur dengan unggas yang lain
 - b. Uggas tidak diletakkan dalam keadaan terlalu padat.
 - c. Tempat pengasingan mestilah mempunyai ciri-ciri seperti Perkara 7(7).
- 11.3. Pengendalian dan penjagaan unggas yang dilupus adalah seperti di Perkara 7(1)

12.0 PENGANGKUTAN

Pengangkutan unggas sebelum aktiviti penyembelihan dilakukan adalah berdasarkan Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) Pengangkutan Uggas.

13.0 PELUPUSAN

Kaedah lupusan unggas adalah berdasarkan Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) Pelupusan Haiwan.

14.0 RUJUKAN

- 15.1 Animal Welfare Approved <http://animalwelfareapproved.org/>
- 15.2 Terrestrial Animal Health Code 2012, Section 7, Vol. 1, Chapter 7.5 Slaughter of Animals
- 15.3 Halal Food-Production, preparation, handling and storage-General Guidelines (First Revision) MS 1500:2004 Malaysian Standard
- 15.4 National Animal Welfare Standards for the Chicken Meat Industry, Australian Poultry CRC www.chicken.org.au

Lampiran 1

LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN DAN PERSIAPAN MENGHADAPI KEBAKARAN.

1. Mengenalpasti laluan keluar kecemasan untuk mengeluarkan haiwan dari dalam premis semasa kebakaran.
2. Menyediakan alat pemadam api atau gulungan hos api yang cukup untuk mencapai semua kurungan haiwan.
3. Barang yang mudah terbakar disimpan di kawasan yang terpisah dari tempat kurungan haiwan
4. Memasang alat pengesan asap yang mencukupi bagi premis kurungan haiwan yang tertutup.
5. Merokok adalah tidak dibenarkan di premis kurungan haiwan.
6. Tanda "Dilarang merokok" ditempat-tempat yang mudah dilihat di premis kurungan haiwan/kawasan pameran.
7. Pemadam api yang digunakan hendaklah diperiksa dan diluluskan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Lampiran 2

PERTOLONGAN CEMAS UNTUK HAIWAN

Garis panduan bagi melengkapkan sebuah kotak pertolongan cemas:

1. Gunting
2. Pita
3. Gel Pelincir
4. Gunting kuku
5. Selimut kecemasan
6. Sarung tangan pemeriksaan
7. Non adhesive dressing
8. Antiseptik
9. Kapas
10. Forcep
11. Normal saline
12. Termometer
13. Swab gauze
14. Penlight
15. Sanitizer
16. Bandage

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua individu dan pihak yang terlibat dalam menyediakan Kod Amalan Kebajikan Haiwan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung, terutamanya kepada Lembaga Kebajikan Haiwan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (KV), Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (P), Pengarah-Pengarah Bahagian DVS, Pengarah-Pengarah DVS Negeri, Agensi-agensi kerajaan, pihak industri, pihak NGO dan Ahli Jawatankuasa Kerja Penyediaan Kod Amalan Kebajikan Haiwan.

NOTA

NOTA

NOTA

NOTA



www.dvs.gov.my